

**From:** UUM CORPORATE COMM.  
**Sent:** Tuesday, August 6, 2019 7:17 PM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Subject:** Sesi Town Hall Saluran Kongsi Pandangan Dan Cadangan Penilaian Prestasi Dan Kriteria Kenaikan Pangkat Staf Akademik



UUM Corporate Comm.  
**Universiti Utara Malaysia**

6 OGOS 2019 / 5 ZULHIJAH 1440H  
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee  
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

### **SESI TOWN HALL SALURAN KONGSI PANDANGAN DAN CADANGAN PENILAIAN PRESTASI DAN KRITERIA KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK**



**UUM ONLINE:** Bagi mendapatkan pelbagai pandangan dan cadangan tentang penilaian prestasi dan kriteria kenaikan pangkat, sesi 'town hall' bersama staf akademik UUM telah diadakan di Dewan Mu'adzam Shah, pagi tadi.

Semakan bagi penilaian prestasi dan kriteria kenaikan pangkat staf akademik UUM telah disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Yusnidah Ibrahim.

Menurut beliau, sesi 'town hall' anjuran Jabatan Pendaftar itu menjadi saluran komunikasi untuk berkongsi pandangan dan cadangan berkenaan perubahan penilaian prestasi dan

kriteria kenaikan pangkat serta ia merupakan platform untuk menjelaskan perkara yang melibatkan staf UUM.

"Perubahan bagi komponen penilaian prestasi adalah berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) yang diadakan pada Jun lalu.

"Kali terakhir kriteria semakan dibuat adalah pada 2011," katanya pada Sesi Town Hall Semakan Penilaian Prestasi dan Kriteria Kenaikan Pangkat Staf Akademik UUM.

Pada sesi tersebut, beliau menerangkan tentang perbandingan wajaran komponen penilaian prestasi staf akademik mengikut borang pensyarah, pensyarah kanan, Prof. Madya, Profesor, penjawat jawatan pentadbiran 1 dan penjawat jawatan pentadbiran 2 yang sedia ada dan yang terbaharu berdasarkan komponen seminar, pengajaran, penerbitan, hasil inovasi dan pengkomersilan (impak penyelidikan), penyelidikan dan bonus.

Bagi kriteria kenaikan pangkat pula telah melalui proses semakan yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan telah membincangkan semakan kriteria sedia ada dan cadangan kriteria untuk 4 *tracks* dengan menyemak syarat asas kenaikan pangkat, komponen markah kenaikan pangkat dan kriteria pemarkahan bagi setiap komponen.

Proses semakan itu turut dibuat perbandingan dengan beberapa universiti awam lain seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), seterusnya dibentangkan dalam Mesyuarat JPU pada Mei lalu.

Selain itu, kriteria kenaikan pangkat juga meliputi teras utama semakan (mengukuh dan meningkatkan kecemerlangan akademik, memperhebat pencapaian penyelidikan dan penekanan kepada aspek penerbitan bertaraf tinggi); perkara utama semakan (syarat asas kenaikan pangkat, komponen markah kenaikan pangkat dan kriteria pemarkahan bagi setiap komponen) dan perubahan syarat asas yang mana antara perubahan pada syarat asas adalah meletakkan syarat '*lead author*' dalam penerbitan, mensyaratkan penerbitan dalam bidang dan mempunyai sitasi h-index SCOPUS sekurang-kurangnya 2.

Prof. Dr. Yusnidah juga membentangkan semakan syarat asas permohonan dan ringkasan markah bagi komponen kecemerlangan akademik untuk kenaikan pangkat ke jawatan akademik iaitu pensyarah kanan (DS52), Prof. Madya (DS54), Profesor VK7, VK6 dan VK5 yang mana perkiraan kecemerlangan akademik adalah selepas kenaikan pangkat pada gred semasa.

Sementara itu, pensyarah dari Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan (SCIMPA), Prof. Madya Dr. Syamsul Bahrin Zaibon berkata, sesi 'town hall' itu membantu menguar-uar dengan jelas kriteria baharu penilaian prestasi dan kenaikan pangkat kepada pensyarah.

Menurutnya, ahli akademik juga berpeluang untuk memberi maklum balas bagi penambahbaikan kriteria baharu tersebut dan pada masa sama semakan penilaian prestasi dan kenaikan pangkat itu akan mengiktiraf sumbangan pensyarah untuk kriteria lain seperti karya kreatif dan penjanaan pendapatan melalui impak penyelidikan dan perundingan.





Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.